

Kajian UPM sangkal dakwaan  
operasi polis trafik gagal

PENINGKATAN kadar kematian akibat kemalangan jalan raya ketika musim perayaan Tahun Baru Cina dan Aidilfitri lalu berpunca daripada pertambahan kenderaan dan jumlah perjalanan.

Sehubungan itu, Unit Kajian Kemalangan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia menolak anggapan sesetengah pihak kononnya siri Ops Statik atau Ops Sikap gagal untuk mengurangkan kemalangan jalan raya ketika musim perayaan.

Sebaliknya, ketua unit berkenaan, Prof Madya Dr Radin Umar Radin Sohardi, merumuskan Ops Statik, Ops Sikap dan program bersepadu lain terbukti berkesan mengurangkan kadar kematian akibat kemalangan jalan raya di negara ini.

Selain Ops Statik dan Ops Sikap, program bersepadu lain yang turut membantu ialah penggunaan media dalam melaksanakan kempen keselamatan jalan raya serta anggota paramedik yang digerakkan secara tersusun di semua laluan utama negara ini.

Dr Radin Umar berkata, tanpa program bersepadu seperti Ops Statik atau Ops Sikap, unit itu meramalkan kadar kematian akibat kemalangan jalan raya pada musim perayaan meningkat dua kali ganda.

Di samping itu, kata beliau, peningkatan kematian akibat kemalangan juga berpunca daripada pertambahan kenderaan dan jumlah perjalanan ketika musim perayaan.

Mengikut statistik, jumlah kenderaan berdaftar dicatatkan 9.1 juta pada 1998 dan meningkat sebanyak 11.3 juta (2001) dan 12.01 juta (2002), sekali gus turut memperlihatkan pertambahan jumlah perjalanan.

Dr Radin Umar berkata, peningkatan kemalangan jalan raya dan kematian berikutnya pertambahan kenderaan dan jumlah perjala-

# SKOP

nan adalah satu fenomena sejagat.

"Berdasarkan kajian di negara maju sendiri, pertambahan kenderaan sebanyak tiga kali ganda akan menyebabkan peningkatan kemalangan lapan kali ganda.

"Justeru, peningkatan kadar kematian dan kemalangan di negara ini ada kaitan langsung dengan jumlah kenderaan di jalan raya. Ia adalah logik."

"Kita tidak boleh mengatakan operasi yang dijalankan itu gagal atau tidak mencapai matlamatnya," katanya.

Dr Radin Umar berkata, kehadiran pihak berkuasa seperti anggota trafik sebelum, ketika dan selepas musim perayaan dapat membantu memastikan kadar kemalangan jalan raya terkawal.

Katanya, polis trafik pasti sedar akan peningkatan jumlah kenderaan dari setahun ke setahun. Atas faktor itu, pihak berkuasa tetap meneruskan pelbagai Ops demi kesejahteraan dan keselamatan pengguna.

"Pengguna juga perlu berfikir seperti mana polis trafik dalam memikirkan kesejahteraan dan keselamatan.

"Apabila kedua-dua pihak berkenaan memikirkan perkara sama, saya yakin kadar kemalangan jalan raya boleh menurun walaupun pertambahan kenderaan berdaftar terus meningkat."

"Yang penting ialah tahap kesedaran perlu diambil kira dengan niat yang serius. Inilah kelemahan orang Malaysia yang kebiasaannya mengambil kira kepentingan sendiri tanpa



**ANGGOTA polis trafik mengadakan operasi sekatan jalan raya di Jalan Tebrau bagi mengesan pesalah trafik Singapura. – Gambar hiasan**

mempedulikan orang lain.

"Penting diri sendiri tidak betul. Kalau hendak maju, pemikiran juga harus maju," katanya.

Mengenai keperluan kesihatan dan keselamatan pemandu, Dr Radin Umar menjelaskan ada lapan perkara yang perlu diberikan tumpuan utama iaitu pandangan, pendengaran, waspada, perubatan serta kesihatan dan emosi.

Perkara lain ialah pemeriksaan doktor, sikap dan keselamatan serta tanggungjawab memiliki insurans.

Mengenai soal pandangan, katanya, kejelasan adalah perlu ketika memandu. Pemandu perlu melihat melalui anak ekor mata di mana ini membolehkan seseorang pemandu mengagak kereta yang bergerak perlahan di sebelah apabila mata tertumpu di jalan raya hadapan.

Sementara unsur pendengaran dapat memberi amaran bahaya seperti bunyi hon, siren atau geseran daripada tayar. Tetapi ia boleh mendatangkan bahaya walaupun pendengaran sangat baik sekiranya diganggu oleh radio dan kaset yang bising serta penggunaan telefon bimbit yang menjelaskan persekitaran.

"Selain itu, aspek waspada dapat mengelak sesuatu yang tidak diingini.

"Sebagai contoh, jika pemandu keletihan, maka tindakan selanjutnya ialah berhenti di tempat selamat dan melelapkan mata seketika.

"Seorang pemandu yang baik, boleh melakukan pemeriksaan doktor supaya dapat membantu mengesan sebarang penyakit yang mungkin dihadapi yang boleh menjelaskan keupayaan memandu.

"Namun, perkara ini jarang dilakukan oleh pemandu di negara ini," katanya.

Dr Radin Umar berkata, insurans kenderaan adalah antara ciri penting yang diberikan penekanan utama oleh kerajaan bagi menjaga kepentingan orang ramai ketika penggunaan kenderaan di jalan raya.

Katanya, melalui dasar mewajibkan kenderaan yang dileSENKEN mengambil perlindungan insurans kenderaan membolehkan kepentingan orang awam terbabit dengan kemalangan jalan raya dilindungi.

Beliau berkata, ia juga membolehkan pemberian pampasan insurans yang sewajarnya kepada pihak terbabit.

"Ini selaras peruntukan Seksyen 89 Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu penanggung insurans kenderaan dibahagikan kepada dua kategori iaitu biro penanggung insurans motor dan penanggung insurans yang dibenarkan," katanya.

# Pemandu pentingkan diri sendiri

MALAYSIA masih ketandusan pemandu berhemat yang menyebabkan meningkatnya kemalangan di jalan raya.

Kajian Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mendapati kebanyakannya pemandu Malaysia tidak menghargai pengguna jalan raya lain walaupun pelbagai kempen dijalankan kerajaan untuk mendidik mereka.

Jurucakap JPJ, berkata selagi pemandu tidak mengubah sikap terhadap cara pemanduan tidak berhemat, kadar kemalangan akan terus meningkat.

Jika dilihat konsep pemanduan berhemat, ia membawa maksud pemanduan yang dapat mengelakkan dan menyelamatkan daripada berlaku kemalangan.

Menurut Dianne R Johnson (1979), pemanduan berhemat bermaksud pemandu bersedia menghadapi keadaan halangan disebabkan oleh pemandu lain atau keadaan jalan raya melalui teknik mengetahui pasti, meramal, membuat keputusan dan bertindak.

Justeru, pemanduan berhemat dilakukan seseorang pemandu yang mempunyai pengetahuan mengenai peraturan lalu lintas, kemahiran tinggi dalam aspek pemanduan, sikap yang betul ketika memandu serta sentiasa bersedia.

Ada empat langkah penting untuk mencegah kemalangan jalan raya dan seseorang pemandu berhemat hendaklah:

- Mengenal pasti benda atau perkara yang boleh menyebabkan seseorang terbabit dalam kemalangan.
- Menganalisis bagaimana semua benda itu boleh memberi kesan kepada pemandu ketika memandu.
- Membuat keputusan terbaik dan paling selamat ketika memandu.

Sehubungan itu, sebelum memulakan perjalanan, pemandu berhemat biasanya merancang masa perjalanan, keadaan mental dan fizikal, keadaan kenderaan (pra pemanduan pemeriksaan), tempat berhenti rehat dan barang keperluan untuk perjalanan.

Apabila seseorang pemandu berhemat mempunyai cukup pengetahuan, kemahiran dan bersikap positif serta merancang perjalanan, ia akan menjadi seorang pemandu sempurna. Ini sekali gus dapat mengurangkan kemalangan, melakukan kesalahan lalu lintas, menyalahgunakan kenderaan, melewatkhan jadual perjalanan dan menghilangkan sifat kesopanan.

Jurucakap JPJ berkata, jika semua ciri yang dinyatakan itu diikuti sepenuhnya, pihaknya yakin Malaysia tidak mungkin perlu pelbagai operasi trafik terutama pada musim perayaan.

"Persoalannya ialah sama ada pemandu tempatan mampu menjadi pemandu berhemat?" katanya.